

30 JUL 2002

LID-Rakan kongsi

TIDAK FORMAL, INTI PATI DIALOG RAKAN PINTAR

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

LANGKAWI, 30 Julai (Bernama) -- "Sebaik berada dalam khemah, peraturannya mudah - tiada protokol, tiada media, pakaian tidak formal dan tiada rombongan - hanya ketua kerajaan dan perniagaan bercakap secara terbuka antara satu sama lain dalam persekitaran yang selesa..."

Begitulah kata ahli perniagaan Botswanan yang bercakap mengenai cara dialog-dialog antarabangsa rakan pintar sepatutnya dijalankan.

Dialog Rakan Pintar Global 2002 selama empat hari, yang meliputi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Afrika Selatan dan Dialog Antarabangsa Afrika Timur, akan bermula di sini mulai Khamis ini.

Dialog itu dijalankan dalam khemah-khemah yang didirikan khas di Afrika dan inilah pertama kali LID dilangsungkan dalam khemah sejak dimulakan pada 1995.

Mereka yang biasa dengan dialog seperti ini berkata perbincangan tidak dipandu oleh agenda pra-dialog tetapi hasil cetusan idea spontan.

Ini kerana dialog-dialog rakan pintar berbeza daripada persidangan lain kerana dialog terbabit mengharmonikan idea para peserta.

Berikutan itu, para peserta LID 2002 telah dinasihatkan menghadiri setiap sesi dari mula hingga akhir supaya mendapat manfaat sepenuhnya.

"Kami sedar bahawa dialog-dialog rakan pintar ini berjaya kerana kami sudah melihatnya berfungsi dan ia merupakan proses tulen yang mengesahkan usaha setiap individu dan kami semua sebagai sebahagian daripada pergerakan rakan pintar dalam mewujudkan persefahaman mengenai kemajuan dan kemakmuran dalam perspektif paling besar.

"Kemakmuran adalah mengenai sama-sama menang dan memakmurkan jiran, ia bukan permainan sifar, kemakmuran adalah mengenai perusahaan dan keikhlasan - bukan mengenai wang. Ia juga mengenai budaya, isu sosial, pendidikan dan kesihatan," demikian menurut satu kenyaan daripada penganjur.

Dialog itu telah menyenaraikan beberapa isu penting dan khusus yang akan dibincangkan dari hari Khamis hingga Sabtu. Ini termasuk satu sesi khusus untuk ketua negara/kerajaan dan anggota Rakan Pintar Komanwel bagi Pengurus Teknologi (CPTM) pada petang Khamis. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Uganda Yoweri Museveni akan menjadi pemudahcara bersama pada sesi itu.

LID 2002 membabitkan empat sesi dialog dan sesi selari mengenai hubungan khusus.

Satu sesi khas mengenai media dan "Club 29" membabitkan usahawan muda serta sesi khas ketua-ketua negara/kerajaan.

Isu hubungan perniagaan merupakan hubungan khusus pertama yang dibentuk dan diaktifkan di Langkawi pada 1997. Hubungan khusus lain yang dijalin hasil dialog rakan pintar ialah Hubungan Isu Perkhidmatan Awam dan Politik, Hubungan Isu Buruh, Hubungan Isu Sosial, Hubungan Isu Media - SNNi (Smart News Network International), Hubungan Isu Generasi akan datang "Club 29" dan hubungan isu-isu Budaya.

-- BERNAMA

AFY SHY TS LAT